

Masih kritikal, catuan diteruskan



Paras air Empangan Gemencheh masih belum mencukupi walaupun catuan sudah dibuat sejak September lalu.

SEREMBAN - Tiada kenaikan paras air dicatatkan di Empangan Gemencheh menyebabkan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) terpaksa meneruskan catuan bekalan air berjadual bagi fasa ke-5 di daerah Rembau dan Tampin.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, catuan tersebut akan disambung selama dua minggu sehingga 24 April ini.

Beliau berkata, langkah catuan terpaksa diteruskan berikutan tadahan air di Empangan Gemencheh belum mencatat tahap memuaskan sejak catuan fasa pertama dilakukan pada September lalu sehingga kini.

"Paras Empangan Gemencheh setakat 9 April lalu menunjukkan bacaan 93.11 meter iaitu berada di bawah paras kri-

tikal 95.0 meter.

"Ini berpunca daripada tiadanya taburan hujan mencukupi setakat ini. Justeru, Sains tetap akan meneruskan catuan fasa 5 bagi membantu jumlah penggunaan air sehari yang memerlukan sebanyak lapan juta gelen sehari (MGD)," katanya.

Berkaitan pembelian air mentah daripada Kerajaan Negeri Melaka, Norzita berkata, tindakan itu dapat membantu mengurangkan agihan air daripada Loji Rawatan Air (LRA) Gemencheh sebanyak 1,300 akaun di daerah Tampin.

"Selain itu, kerja-kerja penyambungan paip sepanjang 5.25 kilometer dari LRA Sawah Raja, Rembau ke laluan paip asal di Astana Raja, Rembau sehingga ke Pekan Kota, Rembau kini sedang dilaksanakan," katanya.